

Oleh **Dr Aminudin Mansor**



Tandus bacaan berilmu, bermutu

Bahan bacaan yang berilmu dan bermutu tinggi dengan bahasa dan penyampaian berkesan sukar untuk diperoleh bagi satahan jiwa dan rohani pembaca. Ini menyebabkan bahan bacaan seumpama ini amat diperlukan bagi menyeimbangkan pengaruh media baru dengan pembacaan buku.

Fenomena ini bukan sahaja dialami penerbit besar seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) malah dalam kalangan penerbit lain juga. Untuk mendapatkan bahan bacaan yang berilmu, bermutu tinggi dan dapat menyumbang ke arah masyarakat berilmu perlu dilakukan oleh penulis yang berilmu, berdisiplin dan tekun dalam berkarya.

Demikian ditegaskan Sasterawan Negara (SN) Datuk Ahmad Kamal Abdullah atau Kemala selaku Ketua Panel Penilai Buku Puisi DBP yang berasaskan perkara ini perlu ditangani semua pihak terutama dalam kalangan penulis dan penerbit dalam tahun 2015.

Menurutnya, buku ilmiah yang mempunyai ilmu pengetahuan tinggi perlu diterbitkan lebih banyak di samping karya sastera seperti novel, antologi cerpen, antologi puisi bagi menjadikan masyarakat gemar membaca bahan yang sarat dengan ilmu pengetahuan dan nilai kemanusiaan.

Penerbitan buku masih agak perlahan jika dibandingkan dengan pengaruh media baru yang pantas dan cepat. Oleh itu, semua penerbit sewajarnya merancakkan penerbitan buku ilmiah dan juga buku karya sastera bagi mewujudkan masyarakat berilmu ke arah negara maju.

Jika ditinjau, penerbitan buku hanya sekitar 12,000 naskhah setahun merangkumi semua tajuk sedangkan penduduk negara ini sudah hampir mencapai 30 juta orang. Keseimbangan ini perlu ditangani dengan lebih berani oleh pihak penerbit dan juga penulis.

Justeru, membaca menjadikan seseorang itu berilmu. Tetapi kini penularan pengaruh Internet dan media baru semakin meluas sehingga akhirnya menyebabkan pelajar dan masyarakat tidak lagi menaruh minat untuk membaca.

Mereka lebih gemar berinteraksi melalui telefon pintar, Facebook, Twitter dan sebagainya. Jarang sekali kita melihat pelajar dan masyarakat membaca bagi mengisi masa terluang. Tetapi acap kali kita melihat mereka menggunakan telefon pintar untuk berinteraksi dan memenuhi masa senggang mereka.

Di sekolah, pendidikan yang

menjurus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KEBAT) tidak akan tercapai jika usaha mendidik ke arah membaca dan berfikir kurang diberikan penekanan ke arah membaca sebagai sumber ilmu. Kemajuan teknologi tidak membawa erti jika pelajar dan masyarakat kurang membaca.

Oleh itu, guru dan juga ibu bapa sewajarnya menggalakkan anak membaca bahan berisi ilmu pengetahuan dan sastera yang dapat membentuk akal budi terpuji.

Perlu diingatkan, bahan bacaan kesasteraan sebenarnya jalan ke arah pembentukan tamadun bangsa. Lantaran itu, bahan kesasteraan yang dihasilkan mestilah menjadi nadi kepada tamadun bangsa.

Bagi meningkatkan minat membaca, sesekali tokoh ilmuwan atau pengarang dipanggil untuk memberi ceramah dan bercerita tentang buku yang baharu diterbitkan. Justeru, pengisian masa yang berfaedah dengan membaca akan menjadikan tamadun bangsa dapat diperkasakan.

Di peringkat sekolah program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NI-LAM) bukan sahaja menggalakkan pelajar membaca, memahami apa yang dibaca, malah memberi peluang kepada mereka menterjemahkan apa yang diperoleh melalui pembacaan dalam kehidupan sehari-hari.

Menurut Prof Madya Arbak Othman, Karyawan Tamu Universiti Putra Malaysia (UPM), melalui pembacaan khususnya karya sastera seperti novel, cerpen dan puisi bukan sahaja sarat dengan nilai ilmu, panduan kepada kehidupan, malah tersirat falsafah berhubung kehidupan yang ingin disampaikan oleh pengarangnya.

Usaha menerbitkan buku ilmiah merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti sains dan teknologi, sains sosial dan teknologi maklumat penting selaras ke arah berfikiran kritis, berfikir secara falsafah yang boleh merenung dan menganalisis masyarakatnya dengan visi dan wawasan negara yang akan menuju ke arah negara maju pada tahun 2020.

Sesungguhnya, untuk mendalamai ilmu dan memperkasa akal budi, seseorang itu mestilah membaca bukan sahaja akhbar, majalah, malah bahan ilmiah dan juga karya sastera bernilai tinggi khususnya dalam bahasa Melayu. Kemahiran berfikir secara kritis aras tinggi penting bagi menerapkan nilai keilmuan, keimanan dan kemanusiaan.